# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 19 DISEMBER 2025

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FISHERMAN TO BENEFIT FROM GRASSROOTS- LEVEL SHIPYARDS, NATION, THE STAR, M/S – 4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | DOA CANTAS BIROKRASI PENDEK TEMPOH KELULUSAN IMPORT BIJIRIN JADI SEBULAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 3. | KES 2 HAIWAN MATI DI KLINIK DISIASAT, NEGARA, KOSMO, M/S – 17 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 4. | RECOGNISING AGRICULTURAL EXCELLENCE, NATION, THE STAR, M/S – 9 | AGROBANK |
| 5. | TAMBAH BAIK SISTEM SALIRAN ATASI SAWAH TENGGELAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/12/2025 | THE STAR | NATION | 4 |

# Fishermen to benefit from grassroots-level shipyards

ALOR SETAR: Infrastructure such as shipyards at the Area Fishermen's Association (PNK) level is an important socio-economic project in generating income and improving the social development of local fishermen, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said while Malaysia is widely recognised for its large-scale shipyards, grassroots-level facilities form part of the government's strategy to strengthen local supply chains, develop talent and modernise the fisheries industry.

"This shipyard is a clear example of how PNK can play an active role in the Shipbuilding and Ship Repair (SBSR) industry value chain by providing up-slip, down-slip, repair and maintenance services for fishing vessels," he said at the opening of the Kuala Kedah PNK Shipyard here yesterday, Bernama reported.

The project, developed at a cost of RM10.7mil, was completed over four years.

Mohamad said every repair and maintenance activity carried out at the shipyard contributes directly to the national food security agenda.

"A vessel that is repaired quickly and is safe to operate enables fishermen to return to sea sooner, helping to ensure a continuous supply of seafood to markets and households," he added.

Mohamad said as of October, total fish landings nationwide stood at 115,000 metric tonnes, valued at RM473mil.

"Kuala Kedah recorded fish landings of 1,038 metric tonnes worth RM6.231mil.

"The ministry is confident that the PNK here can further improve its contribution to the national fisheries industry," he added.

Mohamad also said the ministry would continue to support technical training programmes in collaboration with PNK shipyards and encourage young fishermen to seize opportunities to participate in related courses.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# DOA cantas birokrasi pendek tempoh kelulusan import bijirin jadi sebulan

**Putrajaya:** Jabatan Pertanian (DOA) melaksanakan langkah strategik memendekkan tempoh kelulusan pengimportan bijirin daripada dua bulan kepada sebulan sebagai usaha proaktif memperkukuh keterjaminan makanan negara serta memastikan kelangsungan operasi industri makanan.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi berkata, keputusan itu susulan keperluan industri yang bergantung kepada bekalan bijirin import sebagai bahan mentah utama, khususnya sektor makanan ternakan yang menjadi tulang belakang rantaian bekalan protein negara.

"Keputusan dibuat untuk memenuhi keperluan kritikal sektor pemprosesan makanan manusia serta industri makanan ternakan dalam memastikan bekalan mencukupi, stabil dan berterusan bagi menyokong operasi industri serta menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian dan pemprosesan makanan," katanya.

Nor Sam berkata, pemendekan tempoh kelulusan itu juga digerakkan melalui penambahbaikan menyeluruh tatakelola pengimportan konsainan berasaskan tumbuhan dengan memanfaatkan digitalisasi sepenuhnya.

Penggunaan sistem digitalisasi secara menyeluruh membolehkan seluruh proses permohonan pengimportan sehingga pengeluaran Permit Import (IP) dipercepat tanpa menjejaskan kawal selia dan keselamatan biosekuriti negara.

Ditanya perbezaan proses baharu dengan kaedah lama, beliau berkata, sebelum ini proses itu memerlukan semakan berperingkat dan membabitkan masa pemprosesan lebih panjang.

"Proses baharu menekankan digitalisasi dan integrasi sistem *end-to-end* yang membolehkan semakan, rujukan dan kelulusan dilakukan lebih cepat, telus dan seragam. Proses pemadanan maklumat negara sumber, syarat fitosanitasi dan kelulusan permit kini lebih efisien melalui platform digital bersepadu," katanya.

Antara teknologi utama menyokong inisiatif itu ialah *Sistem Malaysia Import Control System* (MyAICS) oleh DOA yang berfungsi sebagai rujukan fitosanitasi nasional dan Sistem AgroTrade oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi kelulusan negara sumber baharu dalam tempoh lima hari bekerja.

Turut digunakan Sistem ePermit oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi pengeluaran IP dengan kelulusan permit diproses lebih cepat dan teratur kerana tiga sistem itu beroperasi secara bersepadu yang menyumbang kepada kecekapan keseluruhan rantaian proses.

Nor Sam berkata, pemendekan tempoh kelulusan pengimportan bijirin memberi impak positif yang signifikan kepada pengimport, industri ternakan dan pasaran tempatan, khususnya dalam memastikan kelancaran rantaian bekalan bahan mentah berasaskan tumbuhan.

"Langkah ini memudahkan pengimport terutama pengusaha industri makanan ternakan mendapatkan bekalan bijirin dengan lebih cepat dan teratur serta mengurangkan risiko kelewatan bekalan yang boleh menjejaskan operasi pemprosesan.

"Ia juga memastikan setiap konsainan bijirin diimport mematuhi peraturan fitosanitasi ditetapkan serta bebas daripada ancaman perosak selaras keperluan kawal selia dan keselamatan biosekuriti negara selain menyokong kelancaran rantaian bekalan makanan ternakan dan kestabilan pasaran domestik," katanya.

Sebelum ini, DOA mengkaji semula syarat pengimportan bijirin ekoran terdapat ketidakpatuhan syarat import seperti pintasan perosak (perosak produk simpanan) dan terdapat artikel terkawal (sekam, tangkai, kulit dan lain-lain) dalam konsainan.

> **"Langkah ini memudahkan pengimport terutama pengusaha industri makanan ternakan mendapatkan bekalan bijirin dengan lebih cepat dan teratur serta mengurangkan risiko kelewatan bekalan yang boleh menjejaskan operasi pemprosesan"**
>
> *Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 19/12/2025 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Kes 2 haiwan mati di klinik disiasat

**SHAH ALAM** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor (DVS Selangor) menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan pengabaian dua haiwan sehingga mati di sebuah klinik haiwan swasta sekitar Damansara Damai di Petaling Jaya dekat sini.

DVS Selangor berkata, pihaknya mengesahkan telah menerima aduan secara rasmi selepas video berkaitan yang tular di beberapa rangkaian media sosial.

Menurutnya, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan (PKH) DVS Selangor telah menjalankan pemeriksaan di lokasi kejadian kira-kira pukul 12.30 tengah hari, semalam.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat masing-masing seekor karkas anjing dan kucing diletakkan di dua buah sangkar haiwan yang berasingan di sekitar lokasi kejadian.

"Berdasarkan pemeriksaan awal mendapati haiwan itu dianggarkan telah mati antara satu atau dua minggu yang lalu," katanya dalam kenyataan semalam.

DVS menambah, PKH telah mengambil kedua-dua karkas haiwan dan dua buah sangkar haiwan tersebut untuk pemeriksaan dan siasatan selanjutnya.

Jelasnya, kes disiasat di bawah subseksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

"Mana-mana saksi bagi kes ini diminta untuk tampil ke pejabat DVS bagi membantu siasatan kes itu.

"Sasatan rapi dan telus akan dijalankan tanpa sebarang kompromi atau pilih kasih," katanya.



BANGKAI kucing yang ditemui di sebuah klinik haiwan swasta di Damansara Damai, Petaling Jaya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2025 | THE STAR | NATION | 9 |

# RECOGNISING AGRICULTURAL EXCELLENCE

Agrobank's Agro Biz Awards 2025 celebrates agriculture champions

THE nation's agricultural trailblazers and food security champions took centre stage earlier this week as the Agro Biz Awards 2025 honoured the industry's most outstanding contributors.

Agrobank's inaugural awards ceremony was held at Four Seasons Hotel Kuala Lumpur on Dec 16.

It celebrated entrepreneurs and businesses whose dedication, innovation and commitment are driving the transformation of Malaysia's agricultural community (agri-community) and securing the future of the nation's food supply.

In attendance were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, Agrobank independent non-executive chairman Datuk Yunos Abd Ghani, president and group chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin and chief business officer Syed Hairul Anuar Syed Fadzil.

The awards recognised industry excellence across five categories: Agrobank SME of the Year, Agrobank Biz Women Award, Agrobank Biz Youth Award, Agrobank Biz Innovation Award and Agrobank Biz Disability Empowerment Award.




(From left) Marine Gold Marketing Sdn Bhd chief executive officer Esther Wong, Agrobank independent non-executive chairman Datuk Yunos Abd Ghani, Mohamad Sabu, Tengku Ahmad Badli Shah, Aqina Fruits Sdn Bhd business development director Eileen Tan and Penternakan Sumber Unggas Sdn Bhd managing director Mohamad Anas Mohd Asmawi at the inaugural Agro Biz Awards 2025 held at Four Seasons Hotel Kuala Lumpur on Dec 16. —LOW LAY PHON/The Star

## Championing inclusivity and sustainability

Mohamad Sabu, who officiated the ceremony, said that the awards recognise excellence and the outstanding contributions of the agri-community towards strengthening the national food security agenda.

"These awards are in line with the government's aspirations in strengthening the agricultural value chain, empowering local entrepreneurs and ensuring comprehensive national food security," he said.

"The awards do not merely recognise financial and business performance, but also aspects of leadership, innovation, resilience, social inclusivity and contributions to the community and national economy."

He added that the awards are also aligned with the spirit of the Madani Economy, where inclusivity and social responsibility form the core of national development.

"By providing targeted financing programmes, technical support and entrepreneurial development initiatives, Agrobank enables agro-entrepreneurs to grow sustainably and remain resilient," he said.

In his opening address, Tengku Ahmad Badli Shah stated that the awards signify the exemplary benchmarks for what industry players can, and should, strive for to reach national goals and grow as businesses.

"As a pioneer in the nation's agricultural development, we organised these prestigious awards as a form of national-scale recognition.

"The overwhelming response we have received reflects the commitment of agricultural entrepreneurs who actively promote the agri-food sector," he said.

He also highlighted the awards' commitment to diversity, noting the inclusion of all social and community groups.

"The award categories cover various backgrounds, including categories for women, youth and persons with disabilities (PWDs), in line with the principle of leaving no one behind, to recognise the capabilities of all individuals," he said.



Tengku Ahmad Badli Shah said the awards recognise individuals from diverse backgrounds, including women, youth and PWDs.— LOW LAY PHON/The Star



Mohamad Sabu said the awards recognise not just business performance, but also leadership, innovation, resilience and contributions to society and the national economy.—LOW LAY PHON/The Star

"We also introduced the innovation category to encourage creativity and the use of technology-based solutions and new approaches in business operations, to drive sustainable, high-impact and competitive agricultural growth."

## Benchmark for agri-excellence

The recipients of the first-ever Agro Biz Awards showcased groundbreaking achievements in smart farming, sustainable practices and community upliftment, shaping the agricultural sector into a vibrant hub of modern entrepreneurship and technological advancement.

As recognition for their innovation and achievements, Agrobank offered prizes worth a total of RM70,000.

The prestigious Agrobank SME of the Year award was presented to Aqina Fruits Sdn Bhd, alongside an RM10,000 grand prize, for demonstrating overall excellence in business operations, setting a benchmark for growth and stability.

The runners-up were Penternakan Sumber Unggas Sdn Bhd, which took home an RM7,000 prize and Marine Gold Marketing Sdn Bhd in third, receiving an RM5,000 prize.

The Agrobank Biz Women Award, which celebrates female entrepreneurs who not only pioneer successful ventures but also actively mentor and inspire other women involved in business activities throughout the food supply chain, was presented to Awang Ngah Edar Sdn Bhd.

In second was Fatha Marketing, with Putra Afiq Global coming in third.

Meanwhile, the Agrobank Biz Youth Award, which acknowledges young entrepreneurs between the ages of 18 and 40, was claimed by Al Amin Barokah for their efforts in increasing youth involvement in the agricultural and agri-food sectors.

The runners-up prize was presented to Nex Ecoventures Sdn Bhd, with SMR Biotech Sdn Bhd claiming the third spot.

Vivendi Asset Sdn Bhd bagged the Agrobank Biz Innovation Award.

This special category honours individuals, companies and organisations that have demonstrated outstanding and transformative innovation in enhancing productivity, sustainability and efficiency within the agricultural and agri-food sectors.

Finally, the Agrobank Biz Disability Empowerment Award was won by Rezeki Ternak Enterprise for their contributions and achievements in championing entrepreneurs with disabilities. RI Edar came in second place.

The winners of the Women, Youth, Innovation and Disability Empowerment awards also took home an RM6,000 prize for their achievements.

Aqina Fruits Sdn Bhd business development director Eileen Tan said the company was deeply honoured by the recognition, and aims to continue championing small-scale farmers.

"We have been partnering with Agrobank for many years, and the bank has facilitated the microfinancing support for our small-scale farmers under our B40 Farmers programme, helping them kickstart their careers under our guidance," she said.

"We want to continue cultivating and nurturing more farmers to grow with us and to bring them to the world stage, representing Malaysia for farming excellence."

Vivendi Asset Sdn Bhd chief executive officer Lee Wei Sheng, on the other hand, highlighted the need to continuously innovate for success and thanked Agrobank for their support.

"The fishing and fisheries industry is no longer like how we used to view it. Now, it also involves processing, which requires a lot of capital investment, because the value of the seafood and raw materials is high.

"It is becoming a very modern industry and Agrobank has helped us with our working capital, so that we can acquire the raw materials for our processing, and then re-export our products overseas."

Rezeki Ternak Enterprise founder Muhammad Arif Ahmad Zaki, who is left-eye blind, shared that he was delighted that PWDs were also getting recognition for their entrepreneurial efforts.

"After losing my job during the Covid-19 pandemic, I started this venture to sustain myself. Since then, I decided to continue this career to earn a living and help my local community," said the 27-year-old.

"Hopefully, with this recognition, I can continue to grow my business and employ more PWDs, like myself, to come work with me, so that we can prosper together."

**For more information, visit www.agrobank.com.my.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 19/12/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Tambah baik sistem saliran atasi sawah tenggelam

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Perubahan corak iklim dan monsun tidak menentu mengundang kesukaran kepada pesawah khususnya di utara tanah air apabila hujan ekstrem menyebabkan setiap tahun sawah padi tenggelam.

Banjir besar melanda Perlis dan Kedah baru-baru ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap keterjaminan makanan negara apabila bencana itu menenggelamkan seluas 14,785.56 hektar sawah dan menjejaskan 9,286 pesawah serta anggaran kerugian mencecah RM41 juta.

Sebahagian besar tanaman yang terjejas berusia kira-kira sebulan, sekali gus menjejaskan penanaman semula dan menimbulkan kebimbangan ramai pesawah untuk meneruskan musim ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Dr. Atikah Nor Johari berkata, meskipun kerajaan memulih dan menaik taraf sebahagian infrastruktur pengairan serta tebatan banjir, kerosakan besar akibat banjir 2024 dan 2025 jelas menunjukkan pelaksanaan belum mencukupi.

Katanya, kerajaan perlu mengamalkan pendekatan proaktif, sistematik dan menyeluruh bukan sekadar reaktif untuk melindungi sawah padi daripada risiko banjir dan perubahan iklim jangka panjang.



PERUBAHAN corak iklim dan monsun tidak menentu sehingga menyebabkan hujan ekstrem mengusarkan pesawah yang berdepan masalah padi tenggelam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

"Kerajaan perlu mengenal pasti terlebih dahulu semua kawasan sawah termasuk di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mempunyai sistem saliran dan pengairan rosak atau usang.

"Kawasan berkenaan perlu diklasifikasikan mengikut tahap risiko supaya projek naik taraf, seperti pembinaan kolam tadahan, parit pemisah, empangan kecil, pam berkapasiti tinggi dan sistem kawalan air, dapat diberi keutamaan," katanya di sini semalam.

Katanya, penyelenggaraan berkala amat penting bukan sekali guna termasuk pembersihan saluran, pemeriksaan pam dan sistem pintu air.

"Selepas projek dilaksanakan, penilaian dan audit harus dijalankan bagi memastikan sawah kembali produktif dan risiko banjir berkurangan," katanya.

Beliau mencadangkan integrasi sistem pengurusan air dengan amaran dan pemantauan termasuk penggunaan sistem maklumat geografi (GIS), sensor paras air dan sistem amaran awal bagi membolehkan pesawah bersedia hadapi banjir.

Dalam pada itu, seorang pesawah, Shahidan Bahrom, 63, berkata, banjir baru-baru ini menyaksikan tanaman padi yang diusahakan di kawasan seluas kira-kira 24.174 hektar musnah.

"Daripada keseluruhan keluasan tanaman itu, hanya sekitar 4.266 hektar sahaja mungkin boleh diusahakan kembali namun hasilnya masih belum dapat dipastikan lagi.

"Saya telah keluarkan modal lebih RM10,000 bagi mengusahakan padi musim ini dan kebanyakan tanaman musnah ekoran banjir tersebut. Setiap kali hujan lebat, pesawah juga sentiasa berdepan kebimbangan risiko sawah tenggelam," katanya.